

Enjin bot 4 mangsa hilang ditemui

➔ Satu daripada enjin dibawa naik nelayan ke jeti APMM

Oleh Dewiana Tinggolongon

bhnews@bh.com.my

► Kudat

Selepas hampir seminggu hilang, pasukan penyelamat yakin dapat merungkai kehilangan empat mangsa termasuk tiga pelancong di perairan Simpang Mengayau dekat sini, susulan penemuan sebuah bot dan dua enjin sangkut, semalam.

Bot bersama dua enjin berkenaan ditemui sekumpulan nelayan yang memukat di perairan 2.8 batu nautika di utara perairan Simpang Mengayau, kira-kira jam 10 pagi, sebelum memaklumkan kepada pihak berkuasa.

Enjin dibawa naik

Pengarah Maritim Wilayah Sabah dan Labuan, Laksamana Pertama Maritim Mohd Zubil Mat Som, berkata satu daripada enjin berkenaan berjaya dibawa naik kum-

pulan nelayan terbabit sebelum dibawa ke jeti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

“Adik kepada seorang mangsa yang hilang (Lam Wai Yin Tommy, 45) mengesahkan bot dan enjin berkenaan digunakan oleh empat individu terbabit ketika mereka pergi ke Pulau Balambangan, Isnin lalu,” katanya di sini, semalam.

Berikutan penemuan itu, Mohd Zubil berkata, pihaknya menggerakkan aset untuk menanda kawasan berkenaan selain meminta bantuan pasukan penyelamat Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

“Ini kerana kita memerlukan penyelamat berkemahiran tinggi kerana kedalaman perairan itu adalah antara 23 hingga 40 meter,

selain arusnya yang kuat.

“Sekiranya kita dapat mengeluarkan bot dan satu lagi enjin sangkut 30 kuasa kuda (hp) dan ia disahkan betul (dinaiki empat yang hilang), maka operasi pencarian yang masuk hari keenam (semalam) berubah iaitu mencari orang dalam air,” katanya.

Terdahulu, operasi bermula jam 8 pagi semalam membabitkan kawasan seluas 2,700 batu nautika persegi dengan fokus di timur laut Pulau Mangalum iaitu 140 batu nautika dari Simpang Mengayau membabitkan APMM, TLDM serta Pasukan Polis Marin (PPM).

Kronologi

Kehilangan 4 mangsa

3 Mei → 4 mangsa pergi ke Kampung Kok Simpul, Pulau Balambangan

Mereka bertolak → pulang ke Tanjung Simpang Mengayau menaiki bot jam 5 petang

Sepatutnya tiba → di Tanjung Simpang Mengayau jam 8 malam

4 Mei → mereka tidak tiba dan gagal dihubungi menyebabkan pemilik bot membuat laporan polis

Operasi mencari → operasi mencari dan menyelamat dimulakan jam 2.20 petang

8 Mei → nelayan temui bot dan enjin sangkut di utara Simpang Mengayau



APMM meneruskan usaha SAR kehilangan empat individu termasuk tiga warga asing di perairan daerah ini sejak Rabu minggu lalu, menemui petunjuk baharu di utara perairan Simpang Mengayau, Kudat, semalam.